

Impak Perkembangan Harga Komoditi

Harga komoditi mengalami turun naik luar biasa pada tahun 2008 apabila dalam tempoh setahun sahaja, harga turun dan naik dalam magnitud yang besar. Harga komoditi naik mendadak pada separuh pertama 2008, sebahagiannya disebabkan permintaan yang teguh dan jangkaan permintaan yang lebih tinggi daripada ekonomi sedang pesat membangun yang utama serta peningkatan pelaburan memandangkan komoditi kini menjadi kelas aset pelaburan yang baharu. Di samping itu, harga makanan turut didorong oleh peningkatan penggunaan tanaman makanan untuk penjanaan bahan api alternatif selain faktor kemerosotan hasil pengeluaran pertanian akibat cuaca buruk. Harga bagi beberapa komoditi mencecah paras tertinggi. Namun, kegawatan kewangan yang lebih buruk pada separuh kedua 2008, serta pelupusan kedudukan panjang (long position) yang ketara oleh pelabur dan penarikan balik pembiayaan oleh institusi kewangan telah menyebabkan harga komoditi membetul secara mendadak. Berikutan itu, harga beberapa komoditi merosot dengan ketara daripada paras puncaknya pada separuh pertama 2008. Penurunan permintaan juga menyebabkan kemerosotan harga komoditi pada tahun 2008.

Rajah 1
Indeks Harga Komoditi BNM - Nilai



Rajah 2
Indeks Harga Komoditi BNM: Perubahan Tahunan



Sebelum tahun 2008, harga komoditi telah pun memperlihatkan trend menaik seperti ditunjukkan oleh peningkatan beransur-ansur dalam Indeks Harga Komoditi BNM[1] (Rajah 1) sejak tahun 2003. Ini selari dengan tempoh pertumbuhan global yang tinggi yang berpanjangan berserta proses perindustrian yang pesat di beberapa ekonomi sedang pesat membangun yang utama. Namun, harga komoditi naik mendadak dalam magnitud yang tiada tandingannya pada separuh pertama 2008 lantas menyebabkan kenaikan Indeks yang ketara sebanyak 23.5% (Rajah 2). Harga minyak mentah (NYMEX West Texas Intermediate) mencecah paras tertingginya pada USD145 setong pada bulan Julai, iaitu kenaikan 63.6% berbanding paras harga bulan Januari 2008. Harga minyak sawit mencapai kemuncaknya pada RM4,180 setan pada bulan Mac, naik sekali ganda berbanding harga setahun sebelumnya. Begitu juga dengan harga keluli yang turut meningkat sekali ganda kepada lebih RM4,000 setan dalam tempoh yang sama. Namun, pada separuh kedua 2008, harga kebanyakan komoditi menurun dengan mendadak. Harga minyak mentah NYMEX pada akhir tahun 2008 ialah USD44.60 setong, paras harga terendah sejak bulan Januari 2005, sementara harga minyak sawit pula merosot kepada RM1,630, iaitu paras terendahnya sejak bulan Oktober 2006. Ekoran itu, Indeks Harga Komoditi BNM menurun 27.9% pada tempoh tersebut.

[1] Indeks Harga Komoditi BNM adalah indeks harga berasaskan eksport (2000 = 100) komoditi Malaysia utama, iaitu minyak kelapa sawit, minyak isirong sawit, minyak mentah, gas asli, kayu balak, kayu siap digergaji, koko, getah dan tin.

Malaysia, sebagai pengeluar dan pengeksport utama beberapa komoditi seperti minyak sawit, minyak mentah, gas asli dan getah, menerima kesan akibat peningkatan mendadak ini dan juga kemerosotan yang menyusul dalam harga komoditi. Perubahan harga komoditi memberikan kesan yang berbeza-beza terhadap ekonomi – memberikan manfaat kepada beberapa segmen tertentu ekonomi, sementara bagi segmen yang lain pula ia membawa kesan negatif. Faktor-faktor utama yang menerima kesan ini ialah paras harga, perdagangan luar negara, pendapatan syarikat dan individu dalam sektor pertanian dan perlombongan serta kedudukan fiskal Kerajaan.

Kenaikan harga komoditi dan harga makanan dunia yang cepat memberikan tekanan yang kuat terhadap paras harga dalam negeri, iaitu Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR). Ketika inflasi IHP meningkat secara beransur-ansur pada lima bulan pertama tahun 2008, pelaksanaan penstrukturan semula subsidi bahan api oleh Kerajaan pada bulan Jun

Rajah 3
Indeks Harga Pengguna (IHP)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 4
Indeks Harga Pengeluar (IHPR)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


menyebabkan harga bahan api naik 40.4%, mengakibatkan peningkatan mendadak kadar inflasi yang memuncak kepada 8.5% pada bulan Julai. Seterusnya, harga bahan api dan makanan dalam negeri menurun apabila Kerajaan membuat pelarasan menurun kepada harga bahan api sejajar dengan perkembangan harga minyak dunia. Langkah ini telah menyebabkan kadar inflasi menjadi sederhana kepada 4.4% menjelang bulan Disember. Secara keseluruhan, kadar inflasi mencatat purata 5.4% pada tahun 2008, iaitu lebih tinggi daripada kadar inflasi purata jangka panjang negara pada 3.0%. Sebagai mencerminkan kesan harga komoditi terhadap inflasi dalam negeri, kategori makanan dan minuman tidak beralkohol serta pengangkutan merupakan 77.1% daripada peningkatan keseluruhan harga dalam negeri pada tahun 2008. Kesan harga komoditi global adalah lebih ketara terhadap IHPR, yang meningkat ke paras tertinggi 14.4% pada bulan Jun, sebelum menurun pada separuh kedua 2008. Khususnya, komponen IHPR berasaskan komoditi mencecah paras tinggi 42.5% pada bulan Jun sebelum menurun dengan pantas kepada -10.4% menjelang akhir tahun 2008. Bagi meredakan kesan harga bahan api dan makanan yang tinggi kepada rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah, Kerajaan memperkenalkan beberapa langkah, termasuk memberikan subsidi harga beras keluaran tempatan dan juga harga bahan api untuk para nelayan dan pengendali pengangkutan awam selain memberikan rebat tunai bahan api kepada pemilik kenderaan.

Malaysia telah sekian lama mengambil langkah-langkah perlu untuk mempelbagaikan eksportnya, dan eksport perkilangan merupakan sumber utama pendapatan eksport negara.

Namun, sebagai pengeksport komoditi bersih yang utama, kenaikan mendadak harga komoditi telah meningkatkan dengan nyata sumbangan sektor komoditi kepada perolehan eksport Malaysia. Bahagian eksport komoditi kepada jumlah eksport naik hampir sekali ganda kepada 23.5% pada tahun 2008, daripada 13.3% pada tahun 2000. Di samping itu, memandangkan eksport komoditi mempunyai kandungan import yang secara relatif rendah berbanding dengan eksport perkilangan, sumbangan eksport komoditi kepada jumlah imbangan perdagangan turut bertambah dengan ketara. Pada tahun 2008, 73.6% daripada lebihan perdagangan Malaysia yang berjumlah RM142 bilion disumbangkan oleh eksport komoditi berbanding 56.3% pada tahun 2000. Kemerosotan besar harga komoditi pada separuh kedua 2008 menyebabkan penurunan yang ketara dalam nilai eksport kasar komoditi.

Kesan harga komoditi terhadap paras pendapatan juga besar, dengan mereka yang terlibat dalam sektor pertanian dan perlombongan, termasuk pekebun kecil serta syarikat perladangan dan syarikat minyak, menikmati peningkatan pendapatan yang besar sejajar dengan kenaikan harga. Kebanyakan syarikat perladangan utama mencatat pertumbuhan keuntungan yang besar sehingga setinggi 80% pada asas tahunan pada suku kedua 2008. Harga komoditi yang lebih tinggi, terutamanya harga minyak sawit dan getah, turut memberikan manfaat kepada hampir 270,000 pekebun kecil dalam sektor-sektor ini. Pendapatan purata peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Federal Land Development Authority, FELDA) meningkat kepada RM3,014 sebulan bagi getah dan RM3,489 sebulan bagi minyak sawit pada tahun 2008, berbanding dengan paras pendapatan sebanyak RM2,353 sebulan bagi getah dan RM1,930 sebulan bagi minyak sawit pada tahun 2007. Namun begitu, dengan penurunan harga komoditi menjelang akhir tahun 2008, keuntungan syarikat perladangan dan perlombongan terjejas dengan teruk, manakala pendapatan pekebun kecil pula merosot dengan ketara kepada kira-kira RM600 sebulan bagi getah dan RM750 sebulan bagi minyak sawit pada akhir tahun 2008.


Rajah 5
Sumbangan Bersih terhadap Imbangan Dagangan



Sumber: MATRADE

Satu lagi kesan daripada kenaikan mendadak harga komoditi ialah peningkatan susulan dalam harga kebanyakan bahan input dan kos pelaburan dalam sektor perlombongan dan pertanian. Syarikat minyak dan gas mengalami peningkatan mendadak kira-kira 100% dari segi kos penggalian pada separuh pertama 2008, dan juga harga keluli yang meningkat 75% pada tempoh yang sama. Sementara itu, harga baja naik hampir 100% pada tahun 2008. Sungguhpun kemerosotan harga komoditi menjelang akhir tahun 2008 telah meredakan

Rajah 6
Sumbangan hasil minyak terhadap hasil Kerajaan Persekutuan



Sumber: Jabatan Akauntan Negara

sedikit tekanan kos terhadap bahan input ini, penurunan serentak hasil dan keuntungan membataskan keupayaan syarikat perladangan dan syarikat minyak untuk menambah perbelanjaan pelaburan, dengan beberapa daripada mereka melaporkan penurunan dalam perbelanjaan modal.

Kenaikan harga minyak juga telah meningkatkan dengan ketara hasil Kerajaan. Hasil lebih tinggi yang diperoleh adalah daripada cukai pendapatan petroleum, royalti minyak dan gas, duti eksport petroleum, serta cukai jualan dan dividen yang dibayar oleh PETRONAS. Hasil minyak bertambah daripada RM13.6 bilion pada tahun 2000 kepada RM51.2 bilion pada tahun 2007. Seiring dengan kenaikan mendadak harga minyak pada tahun 2008, hasil minyak mencecah RM63.7 bilion pada tahun 2008 untuk mencakupi 39.9% daripada keseluruhan hasil Kerajaan. Hasil berasaskan minyak yang lebih tinggi sejak beberapa tahun yang lalu telah membolehkan Kerajaan membuat perbelanjaan pembangunan bagi infrastruktur, pendidikan dan penjagaan kesihatan, lantas menyumbangkan lagi kepada peningkatan kapasiti produktif jangka panjang negara. Bagaimanapun, sumbangan besar hasil minyak juga meningkatkan sensitiviti hasil fiskal terhadap pergerakan harga minyak.

Melangkah ke tahun 2009, harga komoditi dijangka terus rendah, berikutan keadaan kewangan dan ekonomi global yang ketara semakin lembap. Malaysia, sebagai negara pengeksport komoditi utama, akan terjejas akibat perkembangan ini. Meskipun dari satu segi, harga komoditi yang lebih rendah akan meredakan lagi tekanan terhadap inflasi, namun pendapatan pekebun kecil serta syarikat dalam sektor pertanian dan perlombongan yang lebih rendah akan menjejaskan perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta. Sungguhpun akaun perdagangan dijangka terus mencatat lebihan, sumbangan sektor komoditi kepada imbangan perdagangan negara dijangka lebih rendah.